



TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH
1444H/2022M
DAN HARI PAHLAWAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

**PADA 29 JULAI 2022 (JUMAAT) JAM 6:30 PETANG
BERTEMPAT MASJID DAERAH SPS, PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

YB Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain

Exco Perdagangan, Industri Dan Pembangunan Usahawan

mewakili Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Hj Wan Salim bin Wan Mohd Noor

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YBhg Dato' Mohd Zakuan bin Haji Zakaria

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pembangunan)

YBhg Dato' Ahmad Rizal bin Mohd Hanapiah

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pengurusan)

YB Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan,
Puan-Puan, muslimin dan muslimat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

1. Segala puji dan limpahan kesyukuran saya rafa'kan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat kurniaan-Nya yang tidak mampu terhitung oleh kita sebagai hamba-Nya.

Saya juga bersyukur kerana dengan izin-Nya jua, saya diberi kekuatan untuk hadir memenuhi jemputan dan diberi kesempatan bagi menyampaikan ucapan, seterusnya menyempurnakan perasmian Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Maal Hijrah 1444H/ 2022M dan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Pulau Pinang ini.

2. Tidak dilupakan juga ucapan selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda yang telah bertungkus lumus, berkorban jiwa dan raga dalam menyampaikan risalah Islam sehingga dapat dikecapi oleh kita semua sehingga ke hari ini.

Hadirin Hadirat yang dirahmati Allah,

3. Bulan Zulhijjah Tahun 1443 Hijri akan melabuhkan tirainya sebagai penutup bulan terakhir dalam kalendar Islam. Para jemaah Haji secara beransur-ansur telah meninggalkan Mekah dan Madinah untuk kembali ke negara masing-masing. Muharram menggamit ketibaan tahun baru 1444 Hijri, disambut dengan penuh kesyukuran dan pengharapan. Doa akhir tahun dialunkan bagi mengiringi perpisahan, doa awal tahun pula dibaca tanda tibanya Ma'al Hijrah bagi memohon keberkatan.

4. Tidak cukup helaian kertas untuk mencatatkan satu persatu peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 1443 Hijri. Setiap daripada kita ada kisah dan pengalaman tersendiri. Rencam pahit manis peristiwa yang melanda ummah dan negara Malaysia khususnya Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini, kesemuanya harus menjadikan kita lebih dekat dan erat pada pedoman agama.

5. Kemunculan virus *Covid-19* yang menjadi pandemik di seluruh dunia dan kini memasuki fasa endemik, musibah banjir, ketidakstabilan ekonomi, tekanan emosi dan mental, peningkatan kes bunuh diri, *scammers* dalam talian, penipuan pakej haji umrah serta banyak lagi isu adalah sebahagian ujian Allah yang telah tertulis sebagai takdir. Inilah cabaran kita sebagai hamba untuk mengusahakannya menjadi sebaik-baik takdir.

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

6. Sambutan Ma'al Hijrah yang kita sambut saban tahun ini adalah usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam menyemarakkan syi'ar Islam di bumi Pulau Mutiara tercinta. Peristiwa Hijratul Rasul bukan sekadar menjadi detik permulaan perkiraan tahun baru atau hanya menjadi modal pengisian ceramah, forum dan kuliah. Ia sama sekali bukan kisah biasa-biasa. Peristiwa hijrah dan seluruh Sirah Nabawiyah merupakan kisah agung yang relevan sepanjang zaman untuk menjadi pedoman menerangi jalan kehidupan.

7. Program ini juga didokong oleh Gagasan Khaira Ummah 2030 yang mana pelan ini merupakan misi pembangunan Kerajaan Negeri yang merangkumi lima teras utama di bawah akronim HEBAT iaitu Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah. Dalam teras ketiga iaitu Baiti Jannati, sesebuah keluarga itu dapat dimakmurkan dengan tiga rukun iaitu; **Ta'aruf** (saling mengenali), **Tafahum** (saling memahami) dan **Takaful** (saling membantu). Sekiranya tiga prinsip ini dapat dihayati, pastinya sebuah negara yang dinaungi rahmat Allah SWT atau disebut *baldatun toyyibatun wa robbul ghafur* dapat direalisasikan, insha Allah.

8. Di samping itu, kita juga perlu sedar bahasawanya Hijrah dalam Islam haruslah berlandaskan Sunnatullah. Ini bermaksud hijrah mesti bermula dari dalam diri, kemudian keluarga, masyarakat dan negara. Ini yang ditunjukkan melalui perjuangan Rasulullah SAW. Peristiwa hijrah Nabi ke Madinah, bermula dengan 'hijrah diri' yang berlaku ketika Baginda di Mekah lagi. Sekecil dan sebesar mana pun perubahan, perlu bermula dari diri kita sendiri, seterusnya ahli keluarga dan kaum kerabat yang terdekat.

9. Konteks ini bertepatan sekali dengan tema sambutan Maal Hijrah di peringkat nasional iaitu **“Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran”**. Keluarga Malaysia ialah gagasan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-9, YAB Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pada 22 Ogos 2021. Dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, gagasan ini didokong dengan beberapa nilai antaranya, menyemai budaya integriti serta menjadikan budaya amanah dan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.

Hadirin Hadirat yang dirahmati Allah SWT,

10. Perjalanan Hijrah Nabi dan kisah-kisah yang melatari sirah tersebut telah sering kita ikuti melalui medium-medium ilmu yang pelbagai. Walaupun begitu, di era teknologi serba moden ini, hidup menjadi kian mencabar dari hari ke hari. Pelbagai bentuk ancaman dihadapi dengan atau tanpa kita sedar. Ada ruang untuk menimbunkan dosa, malah peluang merebut pahala juga begitu terbuka. Maka pilihan di tangan kita. Suluhlah hidup dengan iman dan pedomannya. Kita gunakan minda yang waras agar tidak menggadaikan mahalannya tiket syurga, semata-mata untuk mengejar neraka yang langsung tidak berharga. Seimbangkanlah keperluan hidup di dunia dengan meletakkan matlamat akhirat sebagai yang utama.

11. Apa yang penting, diharapkan sambutan Maal Hijrah ini atau apa sahaja sambutan kebesaran Islam dan setiap pengisian yang telah disusun, dapat kita hayati ibrah dan hikmahnya. Perubahan atau transformasi tidak terhenti dengan sempurnanya Hijrah Nabi. Benar, peristiwa *Fathul Makkah* menjadi penamat kepada seruan Hijrah secara hakiki.

Namun begitu, hijrah secara maknawi serta jihad ke arah yang lebih baik kekal berjalan tanpa ada batasan masa dan zaman. Ayuh segera kita berhijrah sepertimana saranan Baginda Nabi H yang maksudnya:

“Tidak ada hijrah selepas pembukaan kota Mekah, tetapi yang ada hanyalah jihad dan niat untuk berjihad ke arah perubahan, dan apabila kamu diminta untuk berjihad, maka bersegeralah.”
(Muttafaquun 'Alaihi)

12. Tahun ini juga istimewa kerana pada 31 Julai ini, kita akan turut menyambut **Hari Pahlawan** bagi memperingati jasa dan pengorbanan pahlawan negara. Mereka terdiri daripada warga Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi keselamatan serta individu yang secara bersama mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dari ancaman musuh. Ia adalah suatu tugas yang sungguh mulia dan merupakan tuntutan syariah dalam menegakkan agama Allah di muka bumi ini. Firman Allah SWT di dalam surah Ali-Imran ayat 146 yang bermaksud:

“Dan berapa banyak dari Nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar.”

13. Sesungguhnya jasa para pahlawan negara ini telah menunjukkan kehebatan mereka sejak dahulu lagi. Kemunculan para pahlawan sewaktu menentang pencerobohan tentera Jepun sewaktu perang dunia ke-2 dan sewaktu zaman darurat antara tahun 1948 sehingga 1960 adalah buktinya. Sejarah Islam turut melakar nama ramai pahlawan Islam yang bersemangat waja, kuat dan terbilang seperti Saidina Hamzah, Khalid bin al-Walid, Thariq bin Ziyad, Salahuddin al-Ayubi dan lain-lain lagi. Manakala dalam sejarah tanah air nama-nama tokoh seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman, Mat Salleh, Datuk Onn Jaafar dan sebagainya kekal harum sebagai penentang penjajahan barat ke atas ibu pertiwi tercinta.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran majlis ini. Semoga segala manfaat dapat menambah baik diri, masyarakat, negeri dan negara kita seluruhnya. Bersama kita mengadaptasi semangat Hijrah ke dalam diri agar menjadi bahtera pedoman merentas gelora di lautan kehidupan, insha Allah. *Allahumma Amin.*

15. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Maal Hijrah 1444H / 2022M dan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.